

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 November 2015

# Malaysia serah Pengerusi ASEAN kepada Laos

Um - 23/11/2015

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - Penubuhan Komuniti ASEAN yang dimuktamadkan pada hari terakhir Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 memerlukan komitmen daripada seluruh negara anggota untuk memastikan proses penyatuan, integrasi dan kesepaduan jitu sebagai sebuah komuniti benar-benar tercapai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, mulai detik ini, segala usaha yang berteraskan tiga tonggak utama Komuniti ASEAN iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN serta Komuniti Sosio budaya ASEAN, perlu dilipatgandakan untuk memastikan aspirasi berkenaan tercapai.

"Ini hanyalah permulaan. Kejayaan memuktamadkan pembentukan Komuniti ASEAN bukan bermakna kita sudah mencapai peringkat akhir proses pembangunan semula rantau ini. Sekarang masa untuk kita bekerja keras bagi menyatu dan mengintegrasikan Komuniti ASEAN di bawah tiga tonggak utama yang telah digariskan.

"Semua usaha ini tidak akan dapat dicapai dalam sekelip mata, sebab itu kita memberikan ruang kepada anggota ASEAN untuk mencapai matlamat ini dengan kita menetapkan tahun 2025 sebagai sasarannya," katanya semasa berucap menutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Sempena majlis penutupan itu, Perdana Menteri turut menyerahkan tugas selaku Pengerusi ASEAN baharu kepada rakan sejawatnya dari Laos, Thongsing Thammavong, untuk memimpin gagasan yang



**NAJIB TUN RAZAK** menyerahkan tukul kayu kepada Perdana Menteri Laos, **Thongsing Thammavong** sebagai simbolik penyerahan kerusi sebagai Pengerusi ASEAN semasa majlis penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

mempunyai populasi lebih 600 juta penduduk itu, selain merupakan kuasa ekonomi ketujuh terbesar dunia mulai tahun depan.

Di bawah kepimpinan Najib selaku Pengerusi, Malaysia memberi penekanan kepada aspek kesederhanaan dalam ASEAN, seruan kesatuan bagi menangani ancaman ekstremisme, keperluan merakyatkan ASEAN, mewujudkan Komuniti ASEAN serta kepentingan menjadikan ASEAN sebagai blok ekonomi keempat

terbesar dunia menjelang 2050.

Dalam sidang akhbarinya pula, Perdana Menteri berkata, isu memerangi keganasan merupakan antara agenda utama yang dibincang oleh ASEAN di sepanjang sidang kemuncak tersebut dengan berlatar belakang kejadian serangan berdarah di Perancis yang membunuh lebih 128 mangsa.

Sementara itu, Thongsing dalam ucapannya melahirkan penghargaan di atas kepimpinan Najib

selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 kerana telah merealisasikan pelbagai pencapaian terutamanya dengan kejayaan menubuhkan Komuniti ASEAN.

"Sebagai Pengerusi ASEAN yang baharu, Laos akan bekerjasama rapat dengan semua anggota ASEAN dan rakan dialognya untuk memajukan Komuniti ASEAN yang dinamik dan makmur selain mempromosikan keamanan serta kestabilan di rantau ini," katanya.